



PELAN TINDAKAN

AGENSI AGAMA

BAGI ORANG KURANG UPAYA MUSLIM

2024 - 2028





PELAN TINDAKAN
AGENSI AGAMA
BAGI ORANG KURANG UPAYA MUSLIM
2024 - 2028

Cetakan Pertama ... 2024
© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Hak Cipta Terpelihara

Hakcipta terpelihara, sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam apa cara yang boleh dipergunakan lagi ataupun dipindahkan dalam sebarang cara, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakam dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Disediakan oleh:
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Diterbitkan oleh:
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya,
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3,
62100 Putrajaya

 : 03-8870 7000
 : 03-8870 7003

Dicetak oleh:
PRODUKSI NUR-JOHAN SDN.BHD. (396771-M)
Ibu Pejabat & Kilang:
5A & 7A, Jalan Perindustrian Silibin 1
Kawasan Perindustrian Ringan Silibin
30100 Ipoh, Perak Darul Ridzuan, MALAYSIA.

 : +00 605 - 527 7808 / 1808
 : aidanurjohan@yahoo.com / enquiry@nurjohan.com
 : www.nurjohan.com



Dati Pengkatalogan dalam Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978 983 042 700 4

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN YB MENTERI	iv
JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)	
SEKAPUR SIRIH KETUA PENGARAH	v
RINGKASAN EKSEKUTIF	vi
BAB 1 PENDAHULUAN	1
Punca Kuasa	
Definisi	
Objektif	
Agensi Pelaksana	
BAB 2 SENARIO MASA KINI	7
Isu Dan Cabaran	
BAB 3 STRATEGI DAN PROGRAM	11
5 Teras	
BAB 4 IMPLEMENTASI	41
Mekanisme Pelaksanaan	
Penilaian Program	
Rantaian Ke Hadapan	
Faktor Penentu Kejayaan	
BAB 5 RUMUSAN	47



PERUTUSAN YB MENTERI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

Alhamdulillah segala pujian dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah berjaya menghasilkan dokumen Pelan Tindakan Agensi Agama Bagi Orang Kurang Upaya Muslim. Pelan Tindakan ini merupakan dokumen penting sebagai panduan dan rujukan kepada agensi yang terlibat dalam usaha memperkasa komuniti OKU yang beragama Islam.

Pelan ini dibangunkan sejajar dengan Dasar OKU Negara, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan juga semangat Matlamat Pembangunan Mampan yang memastikan setiap orang tidak akan terpinggir dalam mendapat perkhidmatan yang telah disediakan oleh kerajaan. JAKIM akan sentiasa komited dalam usaha memperkasa komuniti OKU yang merangkumi seluruh aspek kehidupan samada yang berkaitan dengan akidah, akhlak dan ibadah.

Dokumen ini menjadi pendekatan yang holistik dalam memastikan kehidupan OKU yang beragama Islam turut diberikan ilmu dan kefahaman Islam agar dapat mengamalkan cara hidup Islam.

Pelan Tindakan ini adalah selari dengan usaha Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) untuk memperkuuh pengurusan hal ehwal Islam melalui Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia Madani (Al-Falah), yang telah meletakkan lima (5) teras antaranya kesejahteraan insan. Komitmen dan usaha dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesan dalam penyampaian perkhidmatan amat penting ke arah memastikan pelaksanaan program dan aktiviti lebih berfokus yang diterjemahkan melalui inisiatif strategik yang mampu memberi impak signifikan kepada golongan sasar.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan pelan ini dan saya berharap agar dokumen ini menjadi panduan dan rujukan penting dalam usaha memperkasa komuniti OKU yang beragama Islam.



SEKAPUR SIRIH KETUA PENGARAH

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafa'kan kepada Allah SWT kerana dengan rahmat dan ihsan daripada-Nya. Pelan Tindakan Agensi Agama Bagi Orang Kurang Upaya Muslim telah berjaya dihasilkan.

Pelan ini memfokuskan lima (5) teras strategik dalam tempoh lima (5) tahun iaitu 2024 hingga 2028. Susunan teras strategik ini mengambil kira kepentingan dan maslahah bagi komuniti OKU dari perspektif Islam dalam bidang kuasa Jabatan ini.

Memungkinkan komuniti ini, mahupun mengabaikan mereka dengan beranggapan mereka tidak memberi kesan kepada kelangsungan hidup adalah satu cara berfikir yang naif. Keagungan dan kebesaran Allah ada pada setiap ciptaan-Nya. Membantu, peka dan prihatin terhadap komuniti ini memberikan harapan kepada mereka bahawa agama Islam sangat menekankan keperluan dan kesejahteraan dalam pengurusan kehidupan.

Justeru, pelan strategik ini dibangunkan sebagai asas rujukan dalam menentukan hala tuju dan perancangan dalam membentuk cara hidup yang inklusif dan progresif ke arah kehidupan beragama.

Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab semua terutamanya pengurusan dakwah di agensi untuk menjadikan strategi, program dan aktiviti yang dicadang dalam pelan ini dapat dicapai dengan jayanya dan memberi hasil positif kepada pembangunan komuniti orang kurang upaya.

Semoga segala usaha dalam menghasilkan pelan ini mendapat ganjaran yang besar di sisi Allah SWT.

Sekian, terima kasih.



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Tindakan Agensi Agama Bagi Orang Kurang Upaya Muslim dibangunkan dengan satu matlamat bagi mempertingkatkan pengurusan Orang Kurang Upaya (OKU) yang holistik dari perspektif Islam.

Pengurusan yang lebih menjurus ke arah memperkasa OKU menerusi dasar, pelan tindakan penyediaan modul-modul sama ada kepada pendakwah atau bagi golongan OKU sendiri, pelaksanaan kajian dan penyelidikan berkaitan agama Islam kepada OKU pelbagai kategori, pengkhususan pendidikan yang lestari, pemahaman institusi kekeluargaan dan sistem sokongan yang mantap merupakan komitmen kerajaan ke arah memperkasa OKU yang beragama Islam.

Pelan ini menggariskan lima teras, dua belas langkah strategi dan tiga puluh sembilan program yang komprehensif, bersasar dan berimpak tinggi kepada golongan ini yang disasarkan untuk dicapai dalam tempoh lima (5) tahun.







01

**Dakwah, dasar, penggunaan media
dan kerjasama strategik**

02

Penyelidikan, kajian dan produk inovasi

03

Pendidikan Islam dan kemahiran

04

**Sistem kekeluargaan OKU dan latihan
kepada pegawai**

05

Sistem sokongan OKU

Pelan tindakan ini bukan sahaja menjadi dokumen utama kepada JAKIM dalam menjayakan inisiatif ke arah memperkasa OKU Muslim, malah ia juga akan menjadi rujukan utama kepada agensi di bawah

YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Jabatan Agama Islam Negeri dan NGO bagi mengerakkan setiap inisiatif atau program yang telah dirangka bersama.



BAB 1

PENDAHULUAN

Punca Kuasa

Definisi

Objektif

Agenzi Pelaksana

PENDAHULUAN


Hak kehidupan adalah milik semua orang termasuk golongan OKU Muslim terutama dalam mendapatkan dan mengamalkan cara hidup beragama. Pendekatan agama perlu menjadi kepentingan dan fokus utama bagi seseorang individu, meskipun mempunyai ketidakupayaan.

Penyediaan sebuah pelan yang dinamik dan holistik amat diperlukan dalam usaha melahirkan OKU Muslim berkeperibadian tinggi menerusi penekanan terhadap aspek agama dan kefahaman yang baik tentang Islam. Di samping itu, ia juga dapat mewujudkan masyarakat yang cakna kepada keperluan OKU Muslim.

Pelan ini dibangunkan bagi memperkasa golongan OKU beragama Islam untuk menikmati hak, peluang dan akses dalam pembangunan negara selaras dengan prinsip Maqasid Syariah. Ianya juga diperkemaskan supaya wujud pembudayaan sifat cakna kepada OKU dalam kalangan masyarakat, di samping memantapkan kerjasama dan tindakan yang bersepadu antara semua agensi untuk kepentingan dan kesejahteraan OKU beragama Islam.



PUNCA KUASA



Pelan ini telah melalui beberapa sesi libat urus dalam mendapatkan maklumat, kefahaman dan program berkenaan OKU.



Beberapa punca kuasa didapatkan dalam usaha memberikan komponen yang terbaik kepada golongan ini dan memastikan semua agensi mampu memberi kerjasama yang komprehensif bagi maslahah OKU.



Definisi OKU

OKU adalah seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera yang apabila berhadapan dengan pelbagai halangan mungkin tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat. (Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016 – 2022, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat)

OBJEKTIF

1

Memperkasakan OKU beragama Islam dalam menikmati hak, peluang dan akses dalam pembangunan negara selaras dengan prinsip Maqasid Syariah

2

Membudayakan sifat cakna terhadap OKU dalam kalangan masyarakat

3

Memantapkan kerjasama dan tindakan yang bersepadu antara semua agensi untuk kepentingan dan kesejahteraan OKU beragama Islam



AGENSI PELAKSANA



1

Agensi-agensi di bawah Yang Berhormat Menteri
di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)



2

Jabatan Agama Islam Negeri-negeri



3

Agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan
kerajaan (NGO) yang berkaitan

BAB 2

SENARIO MASA KINI

Isu dan Cabaran



ISU DAN CABARAN

Kebanggaan sesebuah negara adalah rakyatnya. Kebanggaan yang dilengkapi dengan kebolehan, keupayaan dan kemajuan warganya boleh menjadi ukuran. Kemajuan bukan sahaja dari aspek ekonomi, carta pembangunan pesat, lakaran bangunan gah malah pembangunan spiritual, akhlak, sikap dan nilai-nilai murni dikalangan masyarakat menjadi aset utama lambang prestij sesebuah negara.

Titik penting ini tidak boleh dikecualikan kepada golongan OKU Muslim kerana mereka juga sebahagian daripada komponen utama sesebuah negara. Beberapa isu dan cabaran bagi OKU Muslim dalam era ini adalah dari sudut pemahaman, teknologi, pendidikan Islam, pembentukan keluarga Islam dan sistem sokongan.

Kurangnya pemahaman yang menyeluruh tentang diri OKU sendiri, ibubapa dan masyarakat sekeliling menjadi benteng bahawa golongan ini tidak dapat disantuni dan diberi perhatian istimewa. Merasa beban dengan kehadiran kelompok ini dalam sesebuah keluarga boleh menyebabkan pengabaian. Pengabaian tanggungjawab yang serius boleh membawa kepada kemasuhan dan ranapnya masa depan sebuah generasi.


Pemahaman ini sebahagiannya boleh dibantu dengan penggunaan teknologi dan inovasi bagi sesetengah kelompok OKU Muslim bagi mendapatkan maklumat agama Islam dengan bantuan buku-buku dan bahan-bahan digital. Malah bahan-bahan pendidikan Islam kurang dijadikan sebagai wasilah dan wadah dalam perjalanan hidup seseorang bagi membantu kelestarian hidup OKU Muslim.

Kekangan terhadap pendedahan dan pemahaman Pendidikan Islam boleh menggangu pembentukan peribadi, akhlak dan nilai-nilai murni dan akhirnya tidak dapat memupuk rasa keimanan dan rabbani dalam diri. Sedangkan pembangunan rohani dan spiritual adalah tunggak utama seseorang Muslim dalam membina kekuatan diri, mental dan psikologi supaya mampu mendepani segala cabaran agar mampu berdikari dalam era globalisasi ini.

Sistem sokongan yang tidak kukuh sama ada daripada keluarga, masyarakat malah organisasi juga menyebabkan golongan ini tersasar daripada pemantauan dan pemerhatian. Kurangnya tenaga pakar yang berkemahiran dalam menyantuni mereka menyebabkan keterbatasan dalam memenuhi keperluan.

Usaha semua pihak dalam memastikan isu dan cabaran ini dapat diatasi dengan melaksanakan program-program dan inisiatif yang digariskan supaya OKU Muslim terus terbelia di samping pelaksanaan Maqasid Syariah dapat memberi manfaat dan kebaikan kepada golongan ini.





BAB

3

STRATEGI DAN PROGRAM

5 Teras



PELAN TINDAKAN AGENSI AGAMA BAGI ORANG KURANG UPAYA MUSLIM

Pelan ini memberi fokus yang luas terhadap golongan OKU Muslim dari sudut dakwah, pendidikan Islam, keluarga Islam dan pelbagai aspek yang berkaitan dengan agama Islam. Pelan ini juga adalah sebuah pelan yang mendukung dasar sedia ada daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) iaitu Dasar Orang Kurang Upaya (OKU) Negara dan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (OKU) Kebangsaan.

Pelan ini memerlukan gabungan tenaga dan gerak kerja yang strategik daripada semua pihak termasuk agensi-agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, agensi-agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan. Kerjasama yang bersepadu, mantap dan holistik daripada semua pihak ini akan dapat membantu usaha dalam memperkasa dan memberikan kesedaran dan kefahaman kepada golongan ini.

Pelan ini juga merupakan pelengkap kepada dasar kerajaan yang sedia ada supaya masyarakat lebih peka dan sensitif berkaitan kebajikan golongan OKU, di samping mengupaya organisasi dalam memperkasa kesejahteraan mereka dan akhirnya wujud kesinambungan dasar yang progresif antara kerajaan dan OKU dalam melahirkan generasi OKU Muslim yang mempunyai nilai agama yang tinggi.

Teras Strategik

Berdasarkan senario masa kini, cabaran, permasalahan dan kepentingan Pelan tindakan ini, maka strategi dan program bagi pelaksanaannya untuk tempoh lima tahun akan datang dapat diperincikan seperti berikut:

01

02

03

04

05

Memperkuatkan
dakwah OKU bagi
kesejahteraan
ummah



Memantapkan
penyelidikan dan
inovasi ke arah
pembangunan
kehidupan OKU



Memperkasakan
pendidikan
Islam kepada
OKU bagi
kelestarian
kualiti hidup



Mengukuhkan
institusi
keluarga
Islam OKU ke arah
pembentukan
generasi yang
harmoni



Meningkatkan
sistem sokongan
OKU ke arah
pembentukan
masyarakat
prihatin








TERAS 1

MEMPERKUKUHKAN DAKWAH OKU BAGI KESEJAHTERAAN UMMAH





Islam ialah agama yang membawa rahmat kepada seluruh alam. Ia mengiktiraf golongan Orang Kurang Upaya (OKU) sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat yang membentuk ummah serta mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Justeru, kewajipan untuk berdakwah dan hak untuk didakwah juga tidak terkecuali daripada ruang lingkup kehidupan golongan OKU sama seperti golongan bukan OKU. Teras ini menetapkan empat strategi bagi mengukuhkan dakwah OKU bagi kesejahteraan ummah.

TERAS 1

MEMPERKUKUHKAN DAKWAH OKU BAGI KESEJAHTERAAN UMMAH

OBJEKTIF

MEMPERTINGKATKAN KESEDARAN MENGENAI AGAMA ISLAM KEPADA OKU MUSLIM

STRATEGI 1

MEMANTAPKAN HALA TUJU DAN PENGURUSAN DALAM HAL EHWAL OKU

BIL.	TINDAKAN/ PROGRAM	BAHAGIAN/ AGENSI BERTANGGUNGJAWAB	INDIKATOR/ SASARAN	TEMPOH LAKSANA 2024 - 2028	KEBERHASILAN
1.	Membangunkan, menambahbaik pelan tindakan/ SOP/ garis panduan/ instrumen kompetensi dan kesediaan/ inisiatif berkaitan kesedaran agama dan kepek�aan terhadap OKU Muslim	<ul style="list-style-type: none">• BAHAGIAN DASAR KEMAJUAN ISLAM• BAHAGIAN DAKWAH• BAHAGIAN MAQASID SYARIAH	<p>Bilangan pelan tindakan/ SOP/ garis panduan/ instrumen kompetensi dan kesediaan/ inisiatif:</p> <p>Satu (1) pelan tindakan/ SOP/ garis panduan/ inisiatif ditambah baik</p>	2024 - 2028	<p>Dasar kerajaan berkaitan kebijakan golongan OKU</p> <p>Mengupaya organisasi dalam memperkasa kesejahteraan OKU</p> <p>Wujud kesinambungan antara kerajaan dan OKU</p> <p>Generasi OKU Muslim yang mempunyai nilai agama yang tinggi</p>
2.	Memperkasakan dakwah OKU Muslim	<ul style="list-style-type: none">• BAHAGIAN DAKWAH• BAHAGIAN PENYIARAN• JAKIM SABAH• JAKIM SARAWAK• JAIN• ILIM• DARUL QURAN• TV ALHIJRAH	<p>Bilangan program perkongsian pintar/ forum/ dialog/ kempen kesedaran atau kelas Fardhu Ain:</p> <p>Satu program setiap tahun</p>	2024 - 2028	<p>Tahap pemahaman dan penghayatan OKU terhadap Islam.</p> <p>Semangat cintakan agama di kalangan OKU</p> <p>OKU Muslim yang berkualiti, mampu memahami Islam dan berpengetahuan baik dalam Islam</p>





STRATEGI 2

MEMPERTINGKAT KOMPETENSI PENDAKWAH OKU (Pegawai Hal Ehwal Islam (PHEI), pendakwah bebas, imam, guru takmir dan sebagainya)

BIL.	TINDAKAN/ PROGRAM	BAHAGIAN/ AGENSI BERTANGGUNGJAWAB	INDIKATOR/ SASARAN	TEMPOH LAKSANA 2024 - 2028	KEBERHASILAN
1.	Menyediakan modul/ bahan rujukan untuk pendakwah OKU: Bahan Bantu Mengajar (Braille dan Bahasa Isyarat)	• ILIM • DARUL QURAN	Bilangan modul/ bahan rujukan: Satu modul dibangunkan	2024 - 2028	Generasi OKU yang mampu mengamalkan ibadah dan memahami konsep kerohanian
2.	Melaksanakan latihan/ program pengajian kepada pendakwah	• BAHAGIAN DAKWAH • ILIM • IKMAS • IPDAS • DARUL QURAN	Bilangan latihan/ kursus/ pengajian/ pendakwah: Dua program setiap tahun	2024 - 2028	Pendakwah yang bersedia dan cakna terhadap OKU



STRATEGI 3

MENYEBARLUASKAN PERANAN MEDIA KEPADA GOLONGAN OKU

BIL.	TINDAKAN/ PROGRAM	BAHAGIAN/ AGENSI BERTANGGUNGJAWAB	INDIKATOR/ SASARAN	TEMPOH LAKSANA 2024 - 2028	KEBERHASILAN
1.	Memperkuuh kesedaran agama dalam kalangan OKU melalui media massa dan media sosial	<ul style="list-style-type: none"> • BAHAGIAN PENYIARAN • BAHAGIAN PENERBITAN • UKK • BAHAGIAN DAKWAH • BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT • JAIN/ MAIN • TV AL-HIJRAH • YADIM 	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan rancangan / menambah juru bahasa isyarat/ program singkat/ program promosi keluarga OKU (peka agama OKU – program berdurasi seminit atau dua minit): • Satu video pendek ditayangkan 	2024 - 2028	<ul style="list-style-type: none"> • Generasi OKU yang mampu mengamalkan ibadah dan memahami konsep kerohanian • Individu pakar Juru Bahasa Isyarat (JBI) dalam kebanyakan program • Memperbanyakkan kandungan positif mengenai kesedaran OKU • Contoh keluarga OKU Muslim yang berjaya





STRATEGI 3

MENYEBARLUASKAN PERANAN MEDIA KEPADA GOLONGAN OKU

BIL.	TINDAKAN/ PROGRAM	BAHAGIAN/ AGENSI BERTANGGUNGJAWAB	INDIKATOR/ SASARAN	TEMPOH LAKSANA 2024 - 2028	KEBERHASILAN
2.	Mempertingkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap golongan OKU (Ibubapa, keluarga dan masyarakat)	<ul style="list-style-type: none">• BAHAGIAN PENYIARAN• BAHAGIAN DAKWAH• JAIN• UKK• BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT• TV AL-HIJRAH• YADIM	<p>Bilangan kempen kesedaran/wacana/forum:</p> <p>Satu kempen/forum</p>	2024 - 2028	<p>Kesedaran kepada ibubapa, masyarakat dan penjaga OKU</p> <p>Komuniti prihatin terhadap keperluan agama dan kefahaman terhadap OKU</p> <p>Membangunkan kesejahteraan komuniti dengan meningkatkan nilai kepekaan terhadap OKU Muslim</p>




STRATEGI 4

MEMPERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK

BIL.	TINDAKAN/ PROGRAM	BAHAGIAN/ AGENSI BERTANGGUNGJAWAB	INDIKATOR/ SASARAN	TEMPOH LAKSANA 2024 - 2028	KEBERHASILAN
1.	Mengadakan kerjasama strategik dengan Kementerian, agensi, IPTA, IPTS, Badan Berkanun, swasta dan NGO	<ul style="list-style-type: none">• BAHAGIAN PENYELIDIKAN• BDKI• BAHAGIAN DAKWAH• BAHAGIAN KSK• BAHAGIAN PENDIDIKAN• ILIM• IPDAS• IKMAS• DARUL QURAN	<p>Bilangan kerjasama strategik:</p> <p>Satu kerjasama dalam setahun</p>	2024 - 2028	<p>Wujud jaringan strategik dalam pelbagai sektor seperti pendidikan, latihan dan perbincangan akademik yang lebih khusus berkenaan OKU</p> <p>Kerjasama erat daripada kalangan NGO dan masyarakat</p>








• TERAS 2 •

MEMANTAPKAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI KE ARAH PEMBANGUNAN KEHIDUPAN OKU





Penyelidikan dan inovasi merangkumi pelaksanaan dan penyelarasan aktiviti kerjasama penyelidikan serta kolaborasi antara agensi kerajaan, institut penyelidikan dan institut pengajian merupakan satu usaha yang amat penting terutama dalam memastikan kesejahteraan OKU muslim. Hasil kajian boleh dikongsi dan dapat menyumbang kepada peningkatan penggunaan maklumat yang lebih berkesan. Menyebarluaskan dapatan kajian daripada penyelidik boleh dijadikan panduan sebagai komplementari dalam usaha membimbing para OKU dalam pelaksanaan aqidah, syariah dan akhlak. Di samping kajian, produk inovasi juga boleh menjadi saluran yang memberi kemudahan kepada golongan OKU mendapatkan maklumat, bahan bacaan dan sumber-sumber ilmu yang benar. Teras ini menetapkan dua strategi bagi memantapkan penyelidikan dan inovasi ke arah pembangunan kehidupan OKU.



TERAS 2

MEMANTAPKAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN INOVASI KE ARAH KEHIDUPAN OKU YANG BERKUALITI

OBJEKTIF

MENINGKATKAN KUALITI KEHIDUPAN OKU

STRATEGI 1

MENG GALAKKAN PENYELIDIKAN DAN MENYEBARLUASKAN DAPATAN KAJIAN UNTUK PENAMBAHBAIKAN

BIL.	TINDAKAN/PROGRAM	BAHAGIAN/ AGENSI TANGGUNGJAWAB	INDIKATOR	TEMPO MASA 2024 - 2028	KEBERHASILAN
1.	Menggalakkan dan memperluaskan kajian dalam beberapa bidang syariah, aqidah dan akhlak	<ul style="list-style-type: none">• BAHAGIAN PENYELIDIKAN• BAHAGIAN MAQASID• PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN	<p>Bilangan kajian:</p> <p>Satu kajian dihasilkan</p>	2024 - 2028	Kajian yang dicadangkan melibatkan kehidupan seorang muslim merangkumi aspek syariah, aqidah dan akhlak
2.	Melaksanakan perkongsian pintar hasil dapatan kajian daripada IPTA, IPTS dan institusi penyelidikan	<ul style="list-style-type: none">• BAHAGIAN DAKWAH• BAHAGIAN PENYELIDIKAN• BAHAGIAN MAQASID• BDKI	<p>Jumlah perkongsian dapatan kajian:</p> <p>Satu perkongsian pintar dilaksanakan</p>	2024 - 2028	Mempunyai maklumat yang lengkap atas dasar keperihatinan semua pihak



STRATEGI 2


MEMANTAPKAN PRODUK INOVASI OKU

BIL.	TINDAKAN/PROGRAM	BAHAGIAN/ AGENSI TANGGUNGJAWAB	INDIKATOR	TEMPOH MASA 2024 - 2028	KEBERHASILAN
1.	Membangunkan bahan bacaan agama dalam bentuk digital	<ul style="list-style-type: none"> • BAHAGIAN DAKWAH • BAHAGIAN PENERBITAN • BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT 	<p>Bilangan bahan bacaan dalam bentuk digital:</p> <p>Satu bahan bacaan dihasilkan</p>	2024 - 2028	<p>Perpustakaan JAKIM Mesra OKU</p> <p>Pendigitalan buku-buku cetakan JAKIM bagi memudahkan OKU mendapatkan bahan bacaan yang tepat</p>
2.	Membangunkan aplikasi yang memudahkan OKU mendapatkan maklumat	<ul style="list-style-type: none"> • BAHAGIAN DAKWAH • BAHAGIAN PENERBITAN • BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT • ILIM 	<p>Bilangan aplikasi:</p> <p>Satu aplikasi dihasilkan</p>	2024 - 2028	Generasi OKU yang memahami dan peka terhadap ilmu semasa
3.	Mempelbagaikan bahan bacaan dalam tulisan Braille mengikut bidang	<ul style="list-style-type: none"> • BAHAGIAN PENERBITAN • DARUL QURAN 	<p>Bilangan bidang bahan bacaan dalam tulisan Braille:</p> <p>Dua bidang dihasilkan</p>	2024 - 2028	Buku-buku dihasilkan bagi membantu OKU penglihatan dalam pemahaman agama



TERAS 3

MEMPERKASAKAN PENDIDIKAN ISLAM KEPADA OKU BAGI KELESTARIAN KUALITI HIDUP





Pendidikan merupakan aset penting bagi semua lapisan masyarakat tanpa mengira agama, kaum, bangsa dan juga keupayaan seseorang. Selagi pembelajaran dan pemahaman boleh diberi walau dengan cara berbeza kepada setiap individu, ia menjadi kewajipan tuntutan pendidikan itu disalurkan seawal umur kanak-kanak. Kebersamaan ibubapa dan masyarakat dalam usaha ini amat diperlukan bagi memastikan golongan ini tidak tercincir. Modul yang tepat dan latihan yang bersesuaian yang diberikan mampu membina masyarakat cakna terhadap OKU. Teras ini menetapkan dua strategi bagi memperkasakan pendidikan Islam kepada OKU bagi kelestarian kualiti hidup.

TERAS 3

MEMPERKASAKAN PENDIDIKAN ISLAM KEPADA OKU BAGI KELESTARIAN KUALITI HIDUP

OBJEKTIF

MEMBINA NILAI DAN PERADABAN OKU MUSLIM

STRATEGI 1

MEMANTAPKAN PENDIDIKAN ISLAM KEPADA OKU MUSLIM

BIL.	TINDAKAN/PROGRAM	BAHAGIAN/ AGENSI TANGGUNGJAWAB	INDIKATOR	TEMPOH MASA 2024 - 2028	KEBERHASILAN
1.	<ul style="list-style-type: none">Menyedia/ menambahbaik/ menyebarluas kandungan kurikulum KAFA Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) yang merangkumi tiga (3) kategori OKU:<ul style="list-style-type: none">- OKU penglihatan;- OKU pendengaran; dan- OKU pembelajaran	<ul style="list-style-type: none">• ILIM• BAHAGIAN PENDIDIKAN	<ul style="list-style-type: none">Bilangan kurikulum yang disedia/ ditambahbaik/ disebarluas:Satu kurikulum dihasilkan	2024 - 2028	<ul style="list-style-type: none">Penambahan sekolah-sekolah yang menggunakan kurikulum KAFA MBPKMelahirkan generasi OKU yang memahami ilmu Islam dengan lebih teraturIbumbuma dan masyarakat cakna kepentingan agama kepada golongan OKU di awal usia
2.	Menambah lokasi/ sekolah yang mengadakan kelas KAFA MBPK	<ul style="list-style-type: none">• BAHAGIAN PENDIDIKAN• JAIN	<ul style="list-style-type: none">Bilangan lokasi/ sekolah:Dua lokasi/ sekolah diwujudkan	2024 - 2028	Melahirkan kumpulan OKU yang lebih memahami cara kehidupan beragama seawal usia di sekolah dengan peningkatan kelas KAFA



TERAS 3

MEMPERKASAKAN PENDIDIKAN ISLAM KEPADA OKU BAGI KELESTARIAN KUALITI HIDUP

OBJEKTIF

MEMBINA NILAI DAN PERADABAN OKU MUSLIM

STRATEGI 1


MEMANTAPKAN PENDIDIKAN ISLAM KEPADA OKU MUSLIM

BIL.	TINDAKAN/PROGRAM	BAHAGIAN/ AGENSI TANGGUNGJAWAB	INDIKATOR	TEMPOH MASA 2024 - 2028	KEBERHASILAN
3.	Mewujudkan modul pendidikan Islam di peringkat Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bagi OKU	<ul style="list-style-type: none">• DARUL QURAN• IKMAS• IPDAS	<ul style="list-style-type: none">• Bilangan modul:• Satu modul diwujudkan	2024 - 2028	<ul style="list-style-type: none">• Pemudahcara kefahaman OKU terhadap pengajian Islam di peringkat lepasan sekolah• Remaja OKU yang lebih menghayati pengajaran Islam dalam kehidupan• Remaja OKU yang boleh menjadi model kepada orang lain



•TERAS 4•

**MENGUKUHKAN INSTITUSI
KEKELUARGAAN
ISLAM OKU KE ARAH
PEMBENTUKAN GENERASI
YANG HARMONI**





Institusi kekeluargaan yang kukuh dan stabil pemangkin kesejahteraan negara. Kehadiran ahli keluarga kurang upaya memerlukan keberdayaan yang tinggi bagi mewujudkan kefahaman kekeluargaan seterusnya meningkatkan kecaknaan dan keprihatinan. Pengukuhan sistem sokongan daripada kalangan ahli keluarga memerlukan usaha secara kolektif dan bersepadu daripada semua pihak. Sejajar dengan itu, pegawai perunding terlatih dan modul yang komprehensif menjadi elemen terpenting dan tunjang kepada usaha ini. Teras ini menetapkan dua strategi bagi mengukuhkan institusi kekeluargaan Islam OKU ke arah pembentukan generasi yang harmoni.



TERAS 4

MENGUKUHKAN INSTITUSI KEKELUARGAAN ISLAM OKU KE ARAH PEMBENTUKAN GENERASI YANG HARMONI

OBJEKTIF

MENINGKATKAN KEFAHAMAN DAN PENGHAYATAN ISLAM KEPADA INSTITUSI KELUARGA

STRATEGI 1

MEMPERKASAKAN INSTITUSI KELUARGA OKU

BIL.	TINDAKAN/PROGRAM	BAHAGIAN/ AGENSI TANGGUNGJAWAB	INDIKATOR	TEMPOH MASA 2024 - 2028	KEBERHASILAN
1.	Membangunkan modul / kit panduan OKU/ manual atau digital/ garis panduan yang bersesuaian dan berkeperluan kepada golongan OKU: • Pra perkahwinan; • Pasca perkahwinan; • Kemahiran keibubapaan; dan • Nikah, cerai dan rujuk	• BAHAGIAN KELUARGA, SOSIAL DAN KOMUNITI • JAIN	Bilangan modul/ kit panduan OKU/ manual atau digital/ garis panduan: Satu modul dilaksanakan	2024 - 2028	Satu modul komprehensif dihasilkan dari sudut kaedah penyampaian, kandungan dan tempoh kursus yang bersesuaian



STRATEGI 2


MEMPERTINGKATKAN LATIHAN / KEMAHIRAN KEPADA PEGAWAI YANG TERLIBAT DENGAN HAL EHWAL KEKELUARGAAN OKU

BIL.	TINDAKAN/ PROGRAM	BAHAGIAN/ AGENSI TANGGUNGJAWAB	INDIKATOR	TEMPOH MASA 2024 - 2028	KEBERHASILAN
1.	Menyediakan latihan kepada pegawai runding cara/ pegawai lain yang berkaitan dan sukarelawan	• BAHAGIAN KELUARGA, SOSIAL DAN KOMUNITI	Bilangan latihan: Satu latihan dilaksanakan	2024 - 2028	Pegawai terlatih dan mempunyai kemahiran dalam mengendalikan OKU (sukarelawan, perkhidmatan kaunter dan sebagainya)



TERAS 5

MENINGKATKAN SISTEM SOKONGAN OKU KE ARAH PEMBENTUKAN MASYARAKAT PRIHATIN





Usaha untuk memperkasakan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) memerlukan kepada sistem sokongan yang mantap. Elemen penting seperti perancangan untuk membangunkan mekanisme baharu mahupun mengukuhkan mekanisme sedia ada memerlukan penyertaan golongan OKU secara aktif dan berkesan. Sistem sokongan yang akan dihasilkan kelak mestilah bersifat inklusif serta mesra kepada semua golongan khususnya OKU. Teras ini menetapkan dua strategi bagi meningkatkan sistem sokongan OKU ke arah pembentukan masyarakat prihatin.

TERAS 5

MENINGKATKAN SISTEM SOKONGAN OKU KE ARAH PEMBENTUKAN MASYARAKAT PRIHATIN

OBJEKTIF

MEMPERTINGKATKAN KESEDARAN DAN MEMBENTUK SIKAP POSITIF MASYARAKAT TERHADAP TUNTUTAN OKU BERAGAMA

STRATEGI 1

MEMPERKUKUHKAN PERANAN MASJID DAN SURAU SEBAGAI INSTITUSI INKLUSIF

BIL.	TINDAKAN/PROGRAM	BAHAGIAN/ AGENSI TANGGUNGJAWAB	INDIKATOR	TEMPOH MASA 2024 - 2028	KEBERHASILAN
1.	Memperkasakan aktiviti OKU di setiap masjid	• BAHAGIAN DAKWAH • YADIM	Bilangan aktiviti: Dua aktiviti setiap tahun	2024 - 2028	Masyarakat cakna kesejahteraan OKU Generasi OKU memahami konsep ibadah yang betul dan tepat Institusi masjid yang menjadi rakan OKU Muslim



TERAS 5

MENINGKATKAN SISTEM SOKONGAN OKU KE ARAH PEMBENTUKAN MASYARAKAT PRIHATIN

OBJEKTIF

MEMPERTINGKATKAN KESEDARAN DAN MEMBENTUK SIKAP POSITIF MASYARAKAT TERHADAP TUNTUTAN OKU BERAGAMA

STRATEGI 1

MEMPERKUKUHKAN PERANAN MASJID DAN SURAU SEBAGAI INSTITUSI INKLUSIF

BIL.	TINDAKAN/PROGRAM	BAHAGIAN/ AGENSI TANGGUNGJAWAB	INDIKATOR	TEMPOH MASA 2024 - 2028	KEBERHASILAN
2.	Mempertingkatkan akses dan kemudahan OKU Muslim di masjid dan surau	• BAHAGIAN DAKWAH	Bilangan masjid: Satu masjid	2024 - 2028	Institusi masjid mesra OKU dengan akses kemudahan dan infrastruktur yang baik Masjid-masjid mesra OKU



STRATEGI 2

MEMPERLUASKAN PENGLIBATAN MASYARAKAT DALAM MENYANTUNI OKU

BIL.	TINDAKAN/ PROGRAM	BAHAGIAN/ AGENSI BERTANGGUNGJAWAB	INDIKATOR	TEMPOH MASA 2024 - 2028	KEBERHASILAN
1.	Memantapkan kesedaran dan kefahaman menyantuni OKU kepada ibubapa dan komuniti	<ul style="list-style-type: none">• ILIM• BAHAGIAN DAKWAH• IKMAS• IPDAS• DARUL QURAN	<p>Bilangan program: Dua program</p>	2024 - 2028	Melahirkan masyarakat yang cakna keperluan OKU dalam menghayati agama
2.	Memperkasakan khidmat jaringan informasi OKU Muslim	<ul style="list-style-type: none">• BAHAGIAN DAKWAH• JAIN	<p>Bilangan agensi terlibat: Tiga negeri</p>	2024 - 2028	Memberi maklumat dan informasi kepada OKU Muslim





BAB T

IMPLEMENTASI

Mekanisme pelaksanaan

Penilaian Program

Rantaian Ke Hadapan

Faktor Penentu Kejayaan

IMPLEMENTASI



Mekanisme Pelaksanaan

Pelan Tindakan Agensi Agama Bagi Orang Kurang Upaya Muslim ini merupakan panduan utama dalam melaksanakan gerak kerja oleh semua agensi yang terlibat bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Pelaksanaan pelan tindakan ini memerlukan pemantauan dan pelaporan dari masa ke semasa melalui mesyuarat atau platform yang berkaitan

Pemahaman dan Kesedaran

Melaksanakan usaha peningkatan kesedaran pengurusan strategik melalui advokasi, media massa dan promosi



Pelaporan Status Pencapaian

Status pencapaian pelaksanaan Pelan akan dibentangkan dalam mesyuarat utama dan mesyuarat berkaitan sosial bagi menilai pencapaian tahunan

- Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu / Pelaksana Pelan Tindakan Sosial Islam
- Persidangan Ketua Penolong Pengarah Dakwah Seluruh Malaysia
- Persidangan Ketua Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk Seluruh Malaysia

Pembangunan KPI

Agensi dan bahagian terlibat perlu membangunkan inisiatif yang dirancang termasuk menetapkan Key Performance Indicator (KPI) untuk diberi penekanan



Penilaian Program

Pencapaian pelaksanaan inisiatif

- Menilai pencapaian program seperti yang disenaraikan dalam Pelan Tindakan



Isu dalam pelaksanaan

- Mengenal pasti isu dan pendekatan yang menghalang kepada pencapaian seperti yang disasar

Cadangan Penambahbaikan

- Mengenal pasti cadangan penambahbaikan dan pendekatan baharu yang lebih baik



Rantaian Ke Hadapan

(The Way Forward)



Penyampaian perkhidmatan dalam menyantuni golongan OKU ini perlu seiring dengan perubahan semasa terutama pemeriksaan dalam pembangunan rohani. Pendekatan yang digunakan perlu komprehensif dan holistik yang mencakupi aspek akidah, akhlak, ibadah, sosial dan peningkatan kualiti perkhidmatan sejajar dengan hasrat kerajaan bagi mencapai rakyat yang sejahtera dan negara yang makmur



Inisiatif strategik ini merupakan inisiatif dan kerjasama semua pihak dalam usaha memperkasa golongan OKU muslim ke arah mempertingkatkan kehidupan yang lestari dan ia juga sebagai pemangkin dalam usaha mempersiapkan golongan ini bagi mendepani cabaran kehidupan di masa yang akan datang. Semua inisiatif yang telah digariskan perludicapaiddandilaksanakan dalam tempoh lima tahun

Elemen Penentu Kejayaan

01

Kerjasama sepdu dan efektif semua agensi dalam menjayakan pelaksanaannya secara efektif dan efisien

02

Jentera pelaksana yang cekap dan konsisten bagi memastikan semua program dapat dilaksana dengan berfokus mengikut tempoh yang ditetapkan

03

Adaptasi Pelan ini di dalam program dan aktiviti agensi masing-masing bagi memastikan pelaksanaan program lebih meluas dan menyeluruh





46

| PELAN TINDAKAN AGENSI AGAMA BAGI ORANG KURANG UPAYA MUSLIM 2024-2028



BAB | **5**

RUMUSAN



RUMUSAN

Kejayaan Pelan ini memerlukan gabungan tenaga dan gerak kerja yang strategik daripada semua pihak termasuk agensi-agensi di bawah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, agensi-agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan.

Kerjasama yang bersepadu, mantap dan holistik daripada semua pihak dapat membantu usaha dalam memperkasa dan memberikan kesedaran dan kefahaman kepada golongan ini. Komunikasi yang efektif, perkongsian kepakaran, kolaborasi dan libat urus yang berterusan antara agensi serta pihak-pihak berkepentingan akan membolehkan objektif Pelan ini tercapai.

Pelan ini juga merupakan pelengkap kepada dasar kerajaan sedia ada supaya masyarakat lebih peka dan sensitif berkaitan kebajikan golongan OKU, disamping mengupaya organisasi dalam memperkasa kesejahteraan mereka dan akhirnya wujud kesinambungan dasar yang progresif antara kerajaan dan OKU dalam melahirkan generasi OKU Muslim yang mempunyai nilai agama yang tinggi.



Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya,
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3,
62100 Putrajaya
Telefon : 03-8870 7000
Fax : 03-8870 7003

e ISBN 978-983-042-703-4

9 789830 427034